UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Unit
# SISTEM UTAMA
**Sumber Manusia, Kewangan & Pembangunan/Fasiliti**

## Latar Belakang

Sejajar dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa Universiti, sistem aplikasi universiti amat diperlukan untuk membolehkan perkhidmatan dan pentadbiran universiti dapat dilaksanakan dengan sistematik dan efisien.

Sehubungan dengan itu, Unit Sistem Utama diwujudkan untuk menguruskan pembangunan dan operasi bagi sistem-sistem aplikasi utama yang merangkumi domain sumber manusia, kewangan dan pembangunan/fasiliti. Penubuhan unit ini juga bertujuan untuk memastikan perancangan dan pengurusan sistem-sistem utama dapat dilaksanakan secara tersusun di samping memastikan khidmat nasihat dan bantuan teknikal tahap dua dapat disediakan kepada pengguna berkaitan sistem utama.

### SKOP KERJA

Unit Sistem Utama Bertanggungjawab dalam:

- **Perancangan, pembangunan, pengurusan** dan **penyelenggaraan** sistem maklumat dan aplikasi utama universiti.
- **Sokongan teknikal** sistem maklumat dan aplikasi utama universiti.
- **Khidmat nasihat** dalam perancangan dan pembangunan sistem dan aplikasi utama universiti.

## Kepentingan Sistem Utama

Faedah yang diterima oleh universiti adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan universiti dapat dilaksanakan dengan **sistematik** dengan memanfaatkan penggunaan sistem aplikasi utama.
- **Pengurusan data** berkaitan sistem utama dapat dilaksanakan dengan **efektif** melalui penggunaan sistem utama.
- **Perubahan** dan **penambahbaikan** proses dalam sistem utama dapat dilaksanakan dengan **tersusun dan terancang**.
- **Data dapat disimpan** secara **konsisten** dan **mewujudkan sumber rujukan tunggal** bagi domain sumber manusia, kewangan dan pembangunan/fasiliti.
- Meningkatkan produktiviti warga universiti dengan tumpuan boleh diberikan kepada aktiviti yang lebih penting di mana proses kerja sedia ada diautomasikan melalui penggunaan sistem utama.
- **Jangka masa** sesuatu proses kerja dapat **disingkatkan** melalui automasi dalam sistem utama.

## Fakta Ringkas

Unit
**Sistem Utama**

### TENAGA KERJA

**26** Orang
(7 PTM, 18 PPTM, 1 Juruteknik)

### INFORMASI SISTEM UTAMA

**3** Teras Sokongan Utama
**3** Pemilik Proses
**3** Sistem Utama
**36** Sub-Sistem
**4** Kategori Pengguna (staf, pelajar, pembekal, orang awam)

**Fungsi, Perkhidmatan, Proses dan Teknologi**



# FUNGSI

Unit Sistem Utama berfungsi untuk:

- **Merancang** dan **menyelaras aktiviti pembangunan** dan **penyelenggaraan** sistem/aplikasi utama universiti.
- **Mengurus** dan **melaksanakan kerja-kerja pembangunan sistem/aplikasi** utama universiti mengikut keperluan.
- **Menyelenggara** sistem utama universiti yang telah dibangunkan secara berterusan.
- **Memberi khidmat nasihat teknikal** berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan sistem aplikasi utama universiti.
- **Memastikan pembangunan sistem** aplikasi utama universiti **mematuhi dasar, standard dan amalan terbaik.**
- Melaksanakan **operasi sokongan teknikal tahap dua** untuk sistem aplikasi utama universiti.



# PERKHIDMATAN

Antara perkhidmatan yang ditawarkan:

**1. Pembangunan Sistem/Aplikasi Utama**

- **Mengumpul** dan **menganalisa keperluan pengguna** untuk pembangunan sistem/aplikasi utama.
- **Merekabentuk sistem** untuk pembangunan sistem/aplikasi utama.
- **Membangunkan sistem/ aplikasi** utama yang melibatkan pengaturcaraan, penyediaan antaramuka dan pangkalan data.
- **Melaksanakan pengujian** sistem/aplikasi utama yang dibangunkan sebelum sistem aplikasi tersebut Go Live dan digunakan secara rasmi oleh pengguna.

**2. Penyelenggaraan Sistem/Aplikasi Utama**

- **Mengurus dan memantau operasi sistem/aplikasi** utama dari aspek ketersediaan dan prestasi.
- **Melaksanakan operasi sokongan teknikal tahap dua** terhadap sebarang aduan atau pertanyaan berkaitan sistem aplikasi utama.
- **Memberi khidmat nasihat** berkaitan sistem/aplikasi utama.

# PROSES

Permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan sistem aplikasi utama:

1. Pihak PTJ boleh menghubungi pemilik proses sistem mengikut domain iaitu:
   - **Sumber manusia** (Pejabat Pendaftar),
   - **Kewangan** (Pejabat Bendahari) dan
   - **Pembangunan/fasiliti** (Jabatan Pembangunan Infrastruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur)
2. Permohonan akan diberi maklumbalas semula kepada pihak PTJ setelah disemak oleh pemilik proses seperti berikut:

**Sumber Manusia**

- **Sistem:** STARS & HR2U
- **Pemilik Proses:** Pejabat Pendaftar

**Kewangan**

- **Sistem:** FAIS, FinePortal, FineProcurementPlus
- **Pemilik Proses:** Pejabat Bendahari

**Pembangunan/Fasiliti**

- **Sistem:** FMS
- **Pemilik Proses:** Jabatan Pembangunan Infrastruktur**,** Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur

# TEKNOLOGI

Berikut adalah teknologi yang digunapakai dalam pembangunan sistem/aplikasi utama:

1. **Sistem Sumber Manusia:**
   - Aplikasi: **ColdFusion, Java**
   - Pangkalan Data: **Oracle, Microsoft SQL Server**
2. **Sistem Kewangan:**
   - Aplikasi: **Informix 4GL, Java, FourJs Genero**
   - Pangkalan Data: **Informix**
3. **Sistem Pembangunan & Fasiliti:**
   - Aplikasi: **Archibus, PHP**
   - Pangkalan Data: **Oracle**

UiTM CORE BUSINESS


**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pegawai berikut:**

- Ketua Unit Sistem Utama, Bahagian Sistem Maklumat, Jabatan Infostruktur, PPII
- Tel. : 03-55211341
- Faks 03-55442197
- https://ppii.uitm.edu.my


Sila imbas **QR Code** untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Jabatan Infostruktur

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | **Pejabat** Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur